



## Tiada tolak ansur terhadap pertubuhan haram - Acryl Sani [METROTV]

Zatul Iffah Zolkipli  
zatuliffah@hmetro.com.my

Setiu: Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan bertolak ansur dengan kegiatan pertubuhan haram yang turut disertai pegawai dan anggotanya seperti yang berlaku di Dungun.

Ketua Polis Negara Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, pihaknya juga tidak akan membiarkan kegiatan seumpama itu berleluasa.

Beliau berkata, siasatan secara telus sebagaimana kes di Sabah akan dilakukan dan tindakan mengikut undang-undang akan diambil.

"Kumpulan ini begitu ketara sangat sehingga mereka membuat tindakan-tindakan yang di luar batas undang-undang, hingga sanggup membuat ugutan kepada polis sendiri.

"Justeru, kita tidak boleh biar kegiatan seperti ini berleluasa dan kita ambil tindakan serta kita dapati pembabitkan beberapa pegawai dan anggota polis.

"Kita tidak boleh bertolak ansur dalam perkara ini dan seperti mana pendekatan yang kita ambil (dalam) kes di Sabah, pasukan khas dari Bukit Aman akan menyiasat perkara ini dan mereka yang terbabit pasti dikenakan tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas acara pelepasan Kejohanan Kuda Lasak Antarabangsa Piala Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Terengganu International Endurance Park (TIEP) Lembah Bidong di sini, semalam.

Terdahulu, majlis pelepasan itu disempurnakan Menteri Besar Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

Ketika ditanya sekiranya kegiatan sama dikesan di negeri-negeri lain, Acryl Sani berkata, setakat ini, tiada sebarang maklumat mengenai perkara itu diterima pihaknya.

"Setakat ini, kita belum ada terima maklumat tetapi jika kita terima maklumat, tindakan yang serupa tetap akan diambil," katanya.

Mengulas mengenai tindakan yang akan diambil kepada mereka yang terbabit, beliau berkata, ia bergantung kepada hasil siasatan.

"(Tindakan) bergantung kepada hasil siasatan sekiranya mereka terbabit dengan kesalahan-kesalahan (mengikut) akta yang berkuat kuasa, kita ambil tindakan daripada segi undang-undang, kemudian kita akan susul (dengan) tindakan tatatertib jabatan," katanya.

Media, sebelum ini, melaporkan 21 individu termasuk dua pegawai kanan polis serta 12 anggota pangkat rendah diberkas kerana menyertai pertubuhan haram.

Pertubuhan haram Ayahanda Harimau Kumbang itu dikesan menjadi orang tengah untuk mengutip hutang along dan aktiviti menarik kereta.

Disiarkan pada: Januari 29, 2023 @ 10:05am